

Aktivis alam sekitar tegaskan moratorium tiga bulan tidak mencukupi

Hentikan terus perlombongan

Kosmo
7/1/2016
ms 3


KUALA LUMPUR - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan yang hanya mengeluarkan arahan untuk menghentikan sementara perlombongan bauksit di Pahang selama tiga bulan bermula 15 Januari ini.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kerajaan sepatutnya lebih tegas dengan mengarahkan pemberhentian perlombongan bauksit tersebut selama-lamanya.

Ini kerana persekitaran kawasan yang terjejas dengan perlombongan bauksit di Pahang, terutamanya di Bukit Goh, Kuantan, kini disifatkan sudah seperti pemandangan di Planet Marikh dengan tanah merah yang gersang dan berdebu.


"Perlombongan bauksit ini menyebabkan banyak hutan dan pokok ditebang tanpa pemuliharaan, manakala tanah-tanah pula dihakis dan laut pula bertukar kepada merah.

"Ini satu senario yang tidak sihat terutamanya debu dan tanah menyebabkan pencemaran udara dan air, sekali gus memudaratkan masyarakat setempat," katanya kepada *Kosmo!* se-



SEBELUM

GAMBAR Felda Bukit Goh yang masih hijau dan dipenuhi pokok kelapa sawit pada tahun 2012.



SELEPAS

GAMBAR keadaan kawasan persekitaran Bukit Goh baru-baru ini yang digondol dan dikorek semata-mata untuk mendapatkan bauksit.



SEBELUM

GAMBAR pada tahun 2009 yang menunjukkan keadaan jalan raya Felda Bukit Goh yang masih bersih.



SHARIFFA SABRINA



MAKETAB

malam.

Sementara itu, bekas Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof. Maketab Mohamed berkata, meskipun keputusan kerajaan itu dilihat sebagai langkah positif untuk menghentik pencemaran, namun objektif utamanya masih lagi kabur jika dilihat dari segi penguatkuasaan.

"Saya ingin tanya, dalam tempoh masa tiga bulan itu


siapa yang akan menjadi penguat kuasa bagi memastikan pencemaran tidak berulang? Adakah ia akan dikendalikan kerajaan negeri Pahang, Jabatan Mineral dan Galian, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Jabatan Alam Sekitar?" katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, di **Kuantan**, pihak kontraktor dan tuan punya tanah tapak perlombongan bauksit memohon kerajaan supaya menangguhkan sementara arahan moratorium kerana tempoh lapan hari yang diperuntukkan kepada mereka untuk memberhentikan operasi berkuat kuasa 15 Januari ini adalah terlalu singkat.

Seorang pemilik tanah di Felda Bukit Goh, Abdul Razak Abdullah, 50 berkata, meskipun arahan tersebut dianggap munasabah, ia dibuat secara tergesa-gesa dan banyak tuan tanah akan kehilangan punca pendapatan sepanjang tempoh tiga bulan moratorium itu.

"Kebanyakan pokok kelapa sawit di tanah peneroka di sini telah habis ditebang untuk perlombongan bauksit jadi pendapatan kami yang bergantung sepenuhnya kepada hasil bauksit pasti terjejas.

"Saya minta tangguhkan dahulu dalam dua, tiga bulan supaya kami dapat bersedia," katanya kepada pemberita di Kuantan.



SELEPAS

AKTIVITI perlombongan menyebabkan Bukit Goh tidak ubah seperti Planet Merah akibat debu bauksit.